

# Patuh garis panduan banteras rasuah – PM

UM-13/4/2007

**KUALA LUMPUR** 12 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan semua kakitangan kerajaan supaya mematuhi Garis Panduan, Pelaksanaan Sistem Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam bagi memastikan rasuah dapat dibanteras sepenuhnya.

Beliau berkata, garis panduan itu yang dilancar olehnya hari ini bertujuan meningkatkan tahap integriti dan pengamalan nilai murni di sektor awam memandangkan rasuah kini semakin kompleks berikutan penggunaan teknologi canggih.

“Setiap ketua jabatan dan agensi kerajaan dikehendaki melaksanakan garis panduan ini yang melibatkan audit terhadap pengurusan dalaman bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan,” katanya.


Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan pelancaran garis panduan berkenaan di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan; Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Pemangku Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Said Hamdan.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, kesungguhan kerajaan membanteras rasuah terbukti apabila bilangan kes yang disiasat meningkat hampir dua kali ganda daripada 663 kes pada 2001 kepada 1,317 kes pada 2006.

Katanya, tangkapan berkaitan rasuah juga meningkat 77 peratus daripada 318 tangkapan pada 2001 kepada 564 tangkapan pada 2006.

“Lebih membanggakan kadar mereka yang disabitkan bersalah telah meningkat daripada kurang 50 peratus beberapa tahun lalu kepada 74 peratus pada tahun lepas,” ujarnya.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menandatangani plak sambil diperhatikan oleh Ahmad Said Hamdan (kiri) pada perasmian Akademi Pencegahan Rasuah di Kuala Lumpur, semalam.

– Gambar ABD RAHMAN SALEH

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk pembinaan asrama dan kuarters kakitangan MACA.

Beliau berkata, MACA yang ditubuhkan pada tahun lalu bertanggungjawab melatih rakyat Malaysia dan asing mengenai kaedah-kaedah terkini membanteras rasuah yang kini menjadi isu global.

“Kita perlu bekerjasama serta berkongsi pengalaman dan pembelajaran sesama kita bagi mengatasi gejala ini yang kini dilakukan menggunakan Internet yang merentasi sempadan,” jelasnya.